

Headline	Periksa pendawaian elektrik lebih 15 tahun		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	12 Nov 2017	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	179,231
Page No	22	Readership	537,693
Language	Malay	ArticleSize	142 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,573
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,719



Shah Alam

Periksa pendawaian elektrik lebih 15 tahun

Pemilik rumah yang berusia 15 tahun ke atas disaran untuk membuat pemeriksaan terhadap sistem pendawaian elektrik kediamaan masing-masing bagi memastikan ia berada dalam keadaan baik.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Selangor Azmi Osman berkata, pihaknya mengenal pasti beberapa punca kebakaran yang membabitkan kehilangan nyawa di negeri ini adalah disebabkan sistem pendawaian elektrik yang terlalu lama serta tidak pernah diselenggara.

Menurutnya, jumlah kematian akibat kebakaran di Selangor pada tahun ini adalah 14 orang dan ia menunjukkan peningkatan berbanding tahun lalu.

“Saya nasihatkan pemilik rumah buat pemeriksaan, kos mungkin tinggi, tetapi jika berlakunya kebakaran, kerugian mungkin lebih tinggi dan ia turut menyebabkan ada nyawa terkorban.

“Selain itu, pemasangan jerji disifatkan sebagai perangkap maut juga perlu dititikberatkan pemilik rumah sebagai aspek Pencegahan kebakaran,” katanya.

Beliau ditemui selepas Program Bomba Bersama Darul Tahfiz Ummul Qura, Seksyen 30 di sini, semalam.

Sementara itu, Azmi berkata, bomba akan turun padang bagi mengesan pusat tahfiz yang tidak berdaftar serta belum menjalani pemeriksaan

keselamatan di negeri ini.

Beliau berkata, sebanyak 283 pusat tahfiz di Selangor sudah diperiksa termasuk 38 daripadanya tidak berdaftar, namun bomba percaya masih ada lagi institusi berkenaan yang terlepas pandang.

“Disebabkan kita tiada data mahu pun rekod, pasukan bomba akan menjelajah dan mencari serta buat pemeriksaan ke atas pusat-pusat tahfiz yang tidak berdaftar ini.

“Dalam pada itu, sebagai langkah berterusan bagi meningkatkan kesedaran keselamatan kebakaran, bomba akan mengadakan program bersama pusat tahfiz ini dan akan diteruskan pada tahun depan,” katanya.